

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOKE [SEREMBAN]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9347

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak Pendaftar Pertubuhan (ROS) belum lagi dapat menyelesaikan siasatan terhadap status pemilihan semula Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) Parti DAP pada 29 September 2013 dan bilakah ia dapat dimuktamadkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan status siasatan terhadap pemilihan semula yang telah dijalankan oleh *Democratic Action Party* (DAP), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) masih meneruskan siasatan berkenaan perkara ini kerana JPPM perlu meneliti secara terperinci dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak DAP. Hal ini adalah disebabkan terdapat percanggahan daripada segi kandungan dan juga kesahihan dokumen tersebut.